

96

NCRC UUM / NCIA CADANG UJUDKAN ATLAS DI WILAYAH UTARA

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 11 Oktober 2010 20:04

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

11 OKTOBER 2010 / 3 ZULKAEDAH 1431H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Samsudin Oli Mohamed

Gambar Oleh: Shamsaimi Ezil dan Zamarizul Salleh

NCRC UUM / NCIA CADANG UJUDKAN ATLAS DI WILAYAH UTARA



UUM ONLINE: Pusat Penyelidikan Koridor Utara (NCRC) Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) merancang untuk menerbitkan Atlas iaitu satu penerbitan untuk memeta semua profil dan data-data serta prospek di kawasan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) iaitu Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis dalam satu penerbitan yang dapat dirujuk oleh semua pihak bagi melihat dan mengetahui mengenai NCER.

Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq Abdul Razak berkata, susulan daripada perbincangan yang dilakukan dengan pihak UUM mereka akan bekerjasama untuk mengkaji pelaksanaan bagi menerbitkan Atlas itu yang merangkumi data dalam bidang ekonomi, penduduk, jumlah usahawan, kemiskinan, pendidikan dan lain-lain.